



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

Wadah Pembaharuan

**BH**  
Berita Harian

3 JANUARI 2023

## Pendidikan Orang Asli: Di mana noktahnya?

**T**ERIK matahari begitu dirasakan biarpun kami berlindung di tepi rumah yang sekadar berdinginan anyaman buluh dan berbumbungan pelepah rumbia. Jarum jam menunjukkan hampir pukul 12 tengahari.

Dari luar rumah yang juga adalah rumah adat Orang Asli suku Temiar, Pos Simpor (Gua Musang) berkeluasan sekitar 243 meter persegi itu, kedengaran suara riuh perbualan kira-kira 30 orang kaum bapa, rancak berbual sesama mereka.

Namun, kerancangan suasana tiba-tiba menjadi 'laku dan sunyi' sebaik muncul susuk seorang lelaki bertubuh sederhana, berkulit agak gelap. Semua mata tertumpu pada lelaki itu yang bernama Ayei Ajib, 55. Pada awalnya beliau kelihatan tenang namun sedikit demi sedikit wajahnya berubah dan air matanya mula bergengang, dahi berkerut serta mulut terkutip rapat seolah-olah seperti menahan beban perasaan amat berat.

"Saya masih lagi trauma dan susah untuk ingat dan ceritakan kembali apa yang terjadi kepada anak saya walaupun sudah hampir lapan tahun peristiwa itu berlaku.

"Sedih, takut semua ada kerana saya terima jasad anak (tidak sempurna, rangka) dalam kotak bukan sepertimana jasad orang lain," kata Ayei dengan suara bergetar kepada penulis ketika diminta berkongsi insiden kematian anaknya. Ika Ayei, 9, dalam satu tragedi menyayat hati pada 23 Ogos 2015.

Pertemuan kami di rumah adat itu diatur oleh wakil pemangku penghulu, Hamdan Ading, 40, yang juga Orang Asli Suku Temiar tinggal di Pos Simpor.

**Boikot sekolah akibat tragedi**  
Anak Ayei, Ika, murid Tahun Tiga bersama enam orang lagi rakan sekolahnya (Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi) pada mulanya dilaporkan hilang dan kemudiannya difahamkan lari dari asrama kerana dipercayai takut dikenakan tindakan oleh guru selepas mandi di sungai tanpa kebenaran.

Selepas hampir 50 hari operasi mencari dan menyelamatkan dilakukan, hanya dua pelajar sahaja ditemui hidup iaitu Norieen Yaakob, 10 dan Miksudir Aluj, 1. Mereka berdua ditemui di tebing Sungai Perias, kira-kira 500 meter dari Pos Tohoi.

Manakala Ika dan tiga lagi murid, Haikal Yaakob, 8, Linda Rosli, 8, dan Jovina David, 7, yang kesemuanya dari Kampung Gawin dan Kampung Penad, Pos Simpor

Gawin dan Kampung Penad, Pos Simpor ditemui mati manakala seorang lagi

Masalah keciciran pendidikan masyarakat Orang Asli pedalaman sudah lama berakar umbi walaupun pelbagai usaha dilakukan selepas lebih 60 tahun merdeka, antaranya oleh pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sehingga ke hari ini permasalahan tersebut masih lagi membelenggu masyarakat Orang Asli. Apa pincunya dan di mana silapnya? Wartawan Bernama, Kurnia Kamarudin dan Sakini Mohd Sadi 'berkampung' beberapa hari di pedalaman Gua Musang untuk cuba merungkat permasalahan ini.

Siri pertama daripada lima bahagian ini antaranya menyelami hati ibu bapa Orang Asli di Pos Simpor (Gua Musang) serta isu keciciran anak-anak mereka.

pelajar, Sasa Sobrie, 8, sehingga ke hari ini masih lagi belum ditemui.

Sukar menerima kematian anaknya yang begitu tragis, Ayei yang mempunyai lima orang anak ini mengakui kemudiannya mengambil tindakan drastik dengan memberhentikan persekolahan tiga anaknya (Renei Tahun Lima, Jurey Tahun Empat dan Magroy Tahun Satu), juga murid SK Tohoi.


Malah, peristiwa hitam itu juga membuatkan Ayei bertekad untuk tidak menyekolahkan langsung anak bongsunya. Iswan Ayei yang sepatutnya ketika ini berada di Tingkatan 1.

Tragedi malang yang menimpa tujuh (7) orang anak Orang Asli Suku Temiar itu tersebar luas di Internet dan mengemparkan seluruh negara. Ia malah mengakibatkan majoriti ibu bapa di perkampungan berkenaan bertindak memboikot serta menghalang anak mereka meneruskan sesi persekolahan.

Defisit kepercayaan dan kekeuhan hubungan antara sekolah dan ibu bapa yang menjadi polemik ketika itu tidak hanya berlaku di SK Tohoi malah turut menular kepada masyarakat Orang Asli di pedalaman lain seluruh negara.

**Pentingkan pendidikan**  
Isu boikot sekolah ini sudah tentunya membimbangkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Soal keciciran di SK Tohoi yang majoritinya anak-anak dari Pos Simpor bukan isu baharu kerana sebelum tragedi berkenaan, kadar peratusan kehadiran murid hanya antara 75 hingga 80 peratus.

Pelbagai cara dilakukan bagi memujuk ibu bapa agar menghantar semula anak



KANAK-KANAK di perkampungan masyarakat Orang Asli daripada suku Temiar di Pos Simpor bermain di halaman rumah mereka. - fotoBERNAMA

mereka ke sekolah, namun ternyata sukar memandangkan banyak isu pendidikan di kawasan pedalaman masih lagi belum menemui titik penyelesaian.

"Saya tidak benci pendidikan cuma trauma, tetapi akhirnya terpaksa beralah. Anak-anak saya nak sangat sekolah kerana ramai kawan-kawan pergi sekolah.

"Cuma harapan sebagai bapa mangsa, (tolonglah) buat sekolah berhampiran dengan kampung kerana ia akan memudahkan kami untuk hantar dan lihat keadaan anak berbanding sekarang ini yang memerlukan mereka tinggal di asrama dalam umur enam tahun," rayu Ayei.

SK Tohoi adalah sekolah paling hampir dengan penempatan mereka dengan jarak kira-kira 50 kilometer. Masa perjalanan anak-anak ke sekolah sekitar lima jam sekiranya cuaca baik dan sehingga 10 jam sekiranya hujan.

Pos Simpor adalah antara penempatan masyarakat Orang Asli paling jauh di pedalaman di Semenanjung Malaysia. Jaraknya dengan Gua Musang adalah sekitar 98 kilometer. Ia hanya boleh diakses melalui jalan balak selain udara sehingga memerlukan anak-anak bermula Tahun Satu iaitu pada usia tujuh tahun tinggal di asrama sekolah.

Terdapat 12 buah kampung di Pos ini dengan jumlah penduduk lebih daripada 900 orang iaitu Kampung (Kg) Penad, Kg Sedal, Kg Sumbang, Kg Cerano, Kg Dandur, Kg Jader Lama, Kg Pahoi, Kg Kledang, Kg Pos Simpor, Kg Halak, Kg Rekom dan Kg Tihok.

### Kegagalan 3M

Hakikatnya, peristiwa tragis tahun 2015 meninggalkan kesan trauma berpanjangan sehingga menjejaskan rekod kehadiran murid dari Pos Simpor yang bersekolah di SK Tohoi berlanjutan selama dua tahun.

Pemangku penghulu Pos Simpor Mohd Syaif Dendi Abdullah, 30, memberitahu Bernama, isu berkenaan memakan masa agak panjang kerana ramai ibu bapa takut serta bimbang tragedi hitam yang menimpa anak-anak mereka.

"Lebih dua tahun masalah ketidakhadiran ini berlaku dan trauma yang dihadapi membuatkan ada yang langsung tidak bersekolah sepertimana yang berlaku pada mangsa tragedi berkenaan, Norieen dan Miksudir. Mereka tidak bekerja kerana tiada kelulusan selain takut berjumpa orang luar.

"Trauma dihadapi begitu kuat kerana melihat sendiri depan mata rakan lain mati.... Ada yang mati kerana dimakan biawak dan mereka tidak larat disebabkan menolong kerana tidak larat disebabkan beberapa hari tidak makan," katanya yang turut menambak Norieen kini berumur 17 tahun manakala Miksudir, 18.

Biarpun terdapat ibu bapa di Pos Simpor menghantar anak ke sekolah selepas banyak kali dipujuk guru sekolah, namun mereka masih dibelenggu perasaan takut.

Menurut Mohd Syaif Dendi, runtunan hati mahu membina masa depan lebih baik anak melalui pendidikan, ibu bapa akhirnya 'berkorban' dan terpaksa membuang rasa gusar itu.

Buat masa ini, tahap pendidikan paling tinggi di Pos Simpor hanyalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kebanyakan mereka bekerja sama ada sebagai penoreh getah atau keluar dari kampung dan bekerja dalam sektor perkilangan juga sebagai pemandu lori.

Perhatian Bernama yang 'berkampung' di Pos Simpor selama beberapa hari mendapati, kebanyakan ibu bapa di sini semakin menyedari betapa pentingnya pendidikan untuk membawa mereka keluar daripada 'kepompong kemiskinan'.

Malah, ada yang secara terbuka menguak menyenal menghintakan persekolahan anak mereka sehingga menyebabkan tercicir dalam pendidikan serta gagal menguasai 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira.

Ditambah dengan pandemik Covid-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia hampir tiga tahun lepas, 'membarahkan' lagi situasi yang berlaku dalam kalangan anak-anak Orang Asli.

Hakikatnya, masalah keciciran pendidikan masyarakat pedalaman Orang Asli atas sebab halangan geografi selain faktor sosioekonomi tidak hanya berlaku di Pos Simpor, malah dilaporkan berlaku di seluruh penempatan masyarakat Orang Asli pedalaman Semenanjung.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Sapiah Mohd Nor dalam satu temu bual bertulis kepada Bernama memaklumkan, pihaknya mengenal pasti beberapa faktor keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli.

"Secara umumnya, faktor yang mempengaruhi peratus transisi murid dari kaca mata JAKOA mahupun KPM antaranya melibatkan ekosistem sekolah, tidak ikon murid, sokongan dan dorongan ibu bapa, kegagalan Orang Asli beradaptasi dengan kaum lain dan sikap ibu bapa.

"Dari perspektif geografi, lokasi penempatan Orang Asli yang berselerak dan kebanyakannya jauh di pedalaman menyebabkan darjah aksesibiliti mereka kepada pendidikan agak rendah," katanya.

Bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar sebelum ini, Datuk Seri Mahdzir Khalid pernah dipetik berkata, lebih 10 peratus anak Orang Asli di seluruh Semenanjung dikesan tercicir daripada sistem pendidikan, antara lain disebabkan penempatan jauh dari sekolah dan ibu bapa tidak mengambil berat akademik anak-anak. - Bernama